



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Kadir 'tangkis' kejang otot untuk jadi juara

Berita Harian, 1 May 1997, Page 20

Article also available on Microfilm Reel NL21019

Printer-Friendly Page

Kadir 'tangkis' kejang otot untuk jadi juara

Langkah Sheik, Fairuza tersekat di tengah jalan

KEJOHANAN SILAT SEDUNIA Oleh'

YUSOFF A. RAHMAN

PANTANG pahlawan mengadu kesakitan. Sebagai ganjaran, Abdul Kadir Mohamed Ibrahim kini dimahkotakan sebagai johan dunia dalam Kelas E Kejohanan Silat Sedunia di Stadium Negara, Kuala Lumpur, pagi semalam.

Sedang rakan-rakannya yang lain, yang turut menjadi tiang harapan negara, seperti Sheik Alauddin dan Siti Fairuza Mohamed Zainuddin tersisih daripada medan persaingan, Kadir yang mengalami kejang otot menjelang pertandingan separuh akhir, menangkis cabaran G. Alfred dari Belanda untuk mengecap kemenangan 3-0.

"Sakit, sakit juga. Tetapi apabila berada di dalam gelanggang, semuanya terlupa. Tetapi, pada akhir perlawanan baru terasa sakit sini dan sakit sana," jelas Kadir kerana terpaksa bertarung dalam keadaan yang kurang selesa itu.

Berbanding dengan kejayaan dalam Kejohanan Terbuka Malaysia, kemenangan dalam Kejohanan Silat Sedunia ini lebih bererti dan barangkali akan terus menjadi tugu ingatan sepanjang hayatnya.

"Pertama, saya telah mengalahkan pemenang pingat emas Sukan SEA Chiangmai, Emanuel Daudin, dari Indonesia.

"Dalam pertandingan akhir pula, saya menewaskan johan bertahan. Yang lebih menarik lagi, kedua-dua pesilat itu adalah peserta-peserta yang menyekat kemaraan saya dalam Kejohanan Sedunia di Haadyai yang lalu dan Sukan SEA Chiangmai," kata Kadir, yang dihubungi di Kuala Lumpur semalam.

Menurutnya, beliau kecundang 0-5 di tangan Alfred dalam kejohanan lalu.

"Tetapi kali ini saya dapat mengalahkan Alfred 3-0. Bagaimanapun, saya menghadapi tentangan lebih sengit dalam peringkat separuh akhir," tambah beliau.

Sepanjang tiga pusingan perlawanan itu, Kadir berkata beliau banyak membuat tendangan sedangkan seterusnya cuba menggunakan tumbukan.

"Saya lihat Alfred agak bimbang hendak menyerang," jelas Kadir selanjutnya.

Ditanya apakah beliau menaruh keyakinan akan memenangi pingat emas menjelang kejohanan ini, Kadir memberitahu:


"Sejak awal-awal lagi matlamat saya ialah untuk memenangi pingat emas. Alhamdulillah, impian saya menjadi kenyataan."

Menyentuh cita-cita masa depannya pula, Kadir tidak teragak-agak memberitahu beliau ingin mengutip pingat emas dalam Sukan SEA Jakarta pula.

"Saya sudah dua kali mengutip pingat perak dalam Sukan SEA, pertama pada 1993 dan kemudian 1995.

"Kini, selepas kemenangan dalam Kejohanan Silat Sedunia, sudah tentunya saya ingin mencuba memenangi pingat emas Sukan SEA.

"Tetapi untuk mencapai matlamat itu, saya perlu berlatih lebih giat lagi," jelas Kadir sambil memberitahu rakan sepasukannya, Sheik dan Fairuza telah tersekat di peringkat separuh akhir.



“Pertama, saya telah mengalahkan pemenang pingat emas Sukan SEA Chiangmai, Emmanuel Daudin, dari Indonesia. Dalam pertandingan akhir pula, saya menewaskan johan bertahan. Yang lebih menarik lagi, kedua-dua pesilat itu adalah peserta-peserta yang menyekat kemaraan saya dalam Kejohanan Sedunia di Haadyai yang lalu dan Sukan SEA Chiangmai.”

—Abdul Kadir Mohamed Ibrahim.